



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH (CAWANGAN PULAU PINANG)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA S.P.M 2010

SKEMA JAWAPAN

BAHASA MELAYU KERTAS 1 DAN 2

1103/1

1103/2

SULIT

1103/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta PKPSM**.
Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

SULIT

1103/1

BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang
Baik	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas
Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	- masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/kurang relevan, huraian masih/kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	- murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

Catatan : - Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud Al Quran dan sebagainya)

Bahagian B

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemetongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemetongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

-Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
(100 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	51 – 65 (58 -65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugas - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan

MEMUASKAN	<p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
KURANG MEMUASKAN	<p>21 – 35</p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah
PENCAPAIAN MINIMUM	<p>01 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

Bahasa
Melayu
Kertas 2
Peraturan
Pemarkahan
2010

BAHASA MELAYU
Kertas 2
PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan PULAU PINANG). Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Markah penuh: 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah markah											20

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Pendahuluan

Petikan membincangkan cara/ langkah/ kaedah/ tindakan remaja untuk merealisasikan gagasan '1Malaysia' di negara kita [2 m]

Isi Tersurat (peranan remaja untuk merealisasikan '1Malaysia')

1. Semua remaja dan belia perlu mempunyai misi dan visi yang sama dengan kepimpinan negara. 2 m
2. Remaja kita perlu menghayati falsafah muhibah dan kerukunan serta keharmonian antara kaum selama ini. 2 m
3. Remaja juga mestilah mempunyai kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. 2 m
4. Remaja yang cemerlang dalam mengejar ilmu pengetahuan mempunyai sifat dan ciri yang dapat menjadikan mereka berminda kelas pertama. 2 m
5. Orang muda perlu berjuang demi masa depan dengan ciri kewarganegaraan satu bangsa, satu bahasa, dan satu negara. 2 m
6. Remaja perlu menumpukan usaha ke arah menggilap potensi dan menyerlahkan bakat yang ada. 2 m
7. Meletakkan prestasi akademik sebagai keutamaan / mereka perlu berusaha dan beriltizam setiap masa serta bersaing secara sihat dalam mengejar ilmu. 2 m
8. Pelibatan lebih aktif dalam bidang sukan juga membantu menjayakan gagasan '1Malaysia'. 2 m
9. Golongan remaja perlu menyertai pelbagai bentuk program dan aktiviti yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan sosial. 2 m
10. Remaja perlu mengambil inisiatif untuk mengenali nilai, norma dan budaya kaum lain. 2 m

Isi Tersirat (Kekangan yang dihadapi)

1. Sikap perkauman / sikap prejudis antara kaum / sikap syak wasangka antara kaum 2m
2. Pemimpin yang hanya berjuang untuk kaum sendiri 2m
3. Wujudnya persatuan / organisasi / pertubuhan / NGO berbentuk perkauman 2m
4. Kurangnya kerjasama dalam menyahut dasar kerajaan / remaja tidak ambil peduli masalah sosial dalam kalangan remaja. 2m
5. Sekolah jenis kebangsaan menghalang interaksi antara pelajar yang berbilang

- kaum 2m
- Kesimpulan Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu menyokong gagasan 2
 1Malaysia agar / supaya kesejahteraan / keharmonian negara dapat dinikmati.

Nota:

Kesimpulan harus mempunyai 2 unsur iaitu cadangan tentang isu petikan (gagasan 1Malaysia) dan kesan positif daripada cadangan tersebut.

(a) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut ini.

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan /tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah untuk bahasa.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum: 10 markah]

Soalan 2: Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
 Soalan 2 (b) : 9 markah
 Soalan 2 (c) : 8 markah
 Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawaban hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawaban hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawaban itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawaban tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawaban kurang tepat/ isi tidak cukup /gramatis & tidak gramatis	1
- Jawaban tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap /kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

i. Apakah maksud rangkai kata *menjanakan agenda*?

[2 m]

- menghasilkan / membuahkan / merealisasikan matlamat / objektif / sasaran / visi

ii. Apakah kebaikan yang diperoleh jika remaja menyertai program pembangunan belia?

- remaja dapat berinteraksi.
- remaja dapat bernesra.
- dapat mengenali budaya kaum lain.
- meningkatkan persefahaman antara remaja yang berlainan kaum.

[Maksimum: 3 markah]

iii. Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah dalam memahami pelajar tentang gagasan '1Malaysia'?

- program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan)
- aktiviti kokurikulum / sukan / persatuan / unit beruniform
- aktiviti P & P di dalam bilik darjah
- ceramah / pameran tentang gagasan
- aktiviti gotong royong
- aktiviti perkhemahan

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

i. Apakah impian Safiah dalam petikan di atas?

[2 markah]

- ingin bermain salji
- ingin tinggal di luar negara seperti di London dan Amerika
- ingin agar Umar bekerja di luar negara

ii. Pada pendapat anda, apakah reaksi yang patut ditunjukkan oleh Safiah apabila Umar menyatakan keinginannya untuk menjadi guru di dalam negara? Jelaskan.

[3 markah]

- Bersetuju - tidak mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh Umar
- Menyokong - memberikan kata-kata perangsang kepada Umar.
- Berbangga - kerana Umar mempunyai semangat nasionalis yang tinggi
- Terharu - kerana Umar ingin berbakti kepada anak-anak bangsanya

- ii. Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan dan satu persoalan daripada keseluruhan drama.

[4 markah]

Dalam petikan

- semangat nasionalisme/ cinta akan tanah air .
Umar ingin bekerja sebagai guru di dalam negara .
- pertentangan pendapat
Safiah menganggap Barat lebih baik daripada negara sendiri dan Umar pula sebaliknya.
- Profesion keguruan kurang diminati oleh golongan mahasiswa
Umar mempersoalkan bilangan mahasiswa yang berminat untuk menjadi guru

Keseluruhan drama

- amalan beragama
Pak Majid bergegas menunaikan solat apabila sudah masuk waktunya.
- menghormati tetamu
Ibu Safiah meminta pembantu rumahnya turut menyediakan makanan untuk tetamu/
ibu Safiah mempersilakan Umar masuk
- Pasangan muda yang bercinta / bertunang
Safiah dan Umar merupakan pasangan muda yang bercinta dan bertunang

Terima persoalan lain yang sesuai.

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

- i. Apakah maksud rosak bawang ditimpa jambaknya? [2 markah]

- malang kerana perbuatan sendiri / menerima padah akibat perbuatan sendiri

- ii. Apakah tindakan Hang Jebat apabila dia diminta oleh Hang Tuah untuk membuka pintu agar mereka bertikam?

[3 markah]

- Memintanya agar menunggu sebentar.
- Memberitahu Hang Tuah bahawa dia ingin membersihkan kerisnya.
- Menutup empat puluh pintu istana.
- Menghunos kerisnya.
- Menikam/ Membunuh semua / 700 orang perempuan yang ada di dalam istana.

- iii. Pada pendapat anda apakah yang harus dilakukan oleh Hang Tuah untuk mengelakkan pertumpahan darah? [3 markah]
- Hang Tuah harus mengajak Hang Jebat berbincang bukan bertikam
 - Memujuknya agar berdamai.
 - Berjanji untuk memujuk Sultan agar tidak menjatuhkan hukuman yang berat sekiranya Hang Jebat menyerah.
 - Berdoa agar hati Hang Jebat dilembutkan.
 - Menggunakan khidmat rakan-rakan mereka (Hang Lekir, Lekiu, Kasturi) untuk memujuk Hang Jebat menyerah diri.

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

- i. Berikan maksud baris syair *Ilmu itulah gemala sakti*. [2 markah]
- Pengetahuan banyak mempunyai kelebihan / manfaat / kuasa ajaib / hikmat
- ii. Pada pendapat anda, apakah kesannya kepada negara jika remaja hari ini tidak menguasai ilmu pengetahuan? [4 markah]
- Negara akan kekurangan tenaga mahir / kepakaran pada masa akan datang.
 - Negara kekurangan pemimpin pelapis yang berwibawa
 - Negara terpaksa mengimport tenaga-tenaga mahir dari luar.
 - Negara tidak dapat bersaing dengan negara-negara luar/negara menjadi mundur / tidak akan maju
 - Negara akan menghadapi masalah sosioekonomi
 - Negara-negara lain akan memandang rendah terhadap negara kita.
 - Keselamatan negara akan terancam.
- iii. Nyatakan tiga pengajaran yang ingin disampaikan melalui syair di atas? [3 markah]
- Kita hendaklah menuntut ilmu kerana ilmu amat berguna kepada manusia.
 - Kita hendaklah menghargai ilmu kerana ilmu amat tinggi nilainya.
 - Kita hendaklah menggunakan / mengamalkan ilmu untuk mencapai cita-cita
 - Kita hendaklah menguasai ilmu untuk menjadi maju
 - Kita hendaklah menyebarkan ilmu untuk faedah bersama

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

3 (a)

- | | | | |
|-------|-----------------|---|----------------------------------------------------------------------------|
| (i) | berkuat kuasa | - | mula menjadi sah atau mula berlaku, mula dijalankan (berkenaan peraturan). |
| | menguatkuasakan | - | menjadikan (undang-undang dll) berkuat kuasa. |
| (ii) | berputar belit | - | berlaku tidak jujur, berubah-ubah janjinya dll. |
| | memutarbelitkan | - | membelit-belitkan (janji, kebenaran, perkataan, dll.), memutarbalikkan. |
| (iii) | berlipat ganda | - | bertambah-tambah, berganda-gandakan. |
| | melipatgandakan | - | menggandakan berkali-kali, memperbanyak, menjadikan bertambah banyak. |

[Maksimum: 6 markah]

3(b) Nota:

Markah diberikan mengikut pertimbangan pemeriksa yang dibuat secara *impression*.

- (i) Pegawai bomba itu menyatakan bahawa panggilan telefon tentang kebakaran yang diterima oleh mereka pada pagi itu ialah panggilan palsu.
- (ii) Amin menanyai Iskandar perasaannya apabila diumumkan sebagai tokoh pelajar pada tahun itu / Amin ingin mengetahui perasaan Iskandar apabila diumumkan sebagai Tokoh Pelajar pada tahun itu.
- (iii) Mak Cik Limah menasihati Aisyah supaya dia tidak bersedih lagi kerana setiap peristiwa yang berlaku tentu ada hikmah di sebaliknya.

[Maksimum: 6 markah]

3(c) Ejaan dan Pengimbuhan

- (i) Inspekter - Inspektor
mengisi - mengisikan
- (ii) Murtabak - Martabak
terjual - dijual
- (iii) menjelajahi - menjelajah
pelusok - pelosok

[Maksimum: 6 markah]

3 (d) Kata / istilah dan kesalahan tatabahasa

- (i) menyenaraikan keperluan-keperluan - menyenaraikan keperluan tempuh - tempoh
- (ii) Setiap orang anggota - Setiap anggota
dikawal - dicatu
- (iii) tertangguh - terbengkalai
demi untuk - demi / untuk

[Maksimum: 6 markah]

3 (e) Peribahasa

- (i) Alang-alang mandi biar basah / Alang-alang berminyak biar licin
- (ii) Pisang takkan berbuah dua kali / Sekali tersengat, selalu beringat
- (iii) Bagai musuh dalam selimut / Bagai gunting dalam lipatan/ Bagai api dalam sekam

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4: Novel

Markah penuh 15 *markah*

Perhatian bagi Soalan 4

1. Jawaban bagi 4 (a) mestilah berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
2. Jawaban bagi 4 (b) mestilah berdasarkan mana-mana dua novel yang dipelajari.
3. Jawaban hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
5. Markah bahasa tidak melebihi markah isi.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawaban tepat dan merujuk kepada peristiwa benar berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan 1 **markah** bagi peristiwa yang benar.
- (iv) Berikan 1 **markah** bagi huraian peristiwa yang tepat berkaitan dengan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi 4 **markah** dan markah maksimum untuk bahasa 3 **markah**.
- (vi) Markah maksimum 7 **markah**:
Isi 4 **markah**
Bahasa 3 **markah**:
Nota:

3 m	-	Baik
2 m	-	Sederhana
1 m	-	Lemah
- (vii) Jawaban dalam bentuk poin, berikan 2 **markah** maksimum untuk bahasa.

Perhatian bagi (b)

- (i) Berikan 1 **markah** bagi setiap pernyataan. (satu cabaran bagi setiap novel)
- (ii) Berikan 2 **markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Huraian atau contoh tanpa pernyataan, berikan 0 **markah**.
- (iv) Markah maksimum untuk isi 6 **markah** dan markah maksimum untuk bahasa 2 **markah**.

(a) Sesebuah novel akan memperlihatkan sesuatu peristiwa yang mampu menyentuh perasaan pembaca.

Jelaskan dua peristiwa yang menyentuh perasaan dalam novel yang anda kaji.

[7 markah]

Bil	Perlumbaan Kedua (Peristiwa dan alasan)	Julia (Peristiwa dan alasan)
1.	Peristiwa Sang Kancil menghina Sang Arnab di padang lapang dan alasan.....	Peristiwa Julia berhijrah ke Perth, Australia meninggalkan kawan-kawan, keluarga dan tanah air dan alasan.....
2.	Peristiwa pemikiran suku-sakat kura-kura diracuni oleh Sang Tedung dan alasan.....	Peristiwa kemalangan ibu bapa Julia dalam kemalangan di Lebuhraya Karak dan alasan.....
3.	Peristiwa Tuk Kura didera oleh suku-sakat kura-kura dan alasan.....	Peristiwa Julia mengambil alih pengurusan BMPRO Holdings dan alasan.....
4.	Peristiwa Tuk Kura mengambil bahagian dalam perlumbaan dan alasan.....	Peristiwa Julia bersemuka dengan Ummi Sarah dan alasan.....
5.	Peristiwa suku-sakat Tuk Kura datang meminta maaf setelah Tuk Kura memenangi perlumbaan kedua dan alasan.....	Peristiwa Julia menyelesaikan penyelewengan En Baharom dan alasan.....
6.		Peristiwa Julia dilamar oleh Jun di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara dan alasan.....

- Setiap peristiwa perlu disokong dengan huraian yang jelas/lengkap dan sebab peristiwa itu menyentuh perasaan

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupannya.

[8 markah]

Bil	Perlumbaan Kedua	
	Peristiwa [2m]	Huraian [2m]
1.	Tuk Kura menunjukkan kebijaksanaannya semasa menentukan syarat pertandingan	apabila Tuk Kura meminta Sang Arnab sendiri yang menentukan syarat-syarat pertandingan di hadapan seluruh warga rimba bagi mengelakkan ditipu oleh Sang Kancil dan Sang Arnab Putih.
2.	Tuk Kura memilih tempat perlumbaan.	Tuk Kura bijak memilih lokasi perlumbaan iaitu dengan memilih laluan yang tidak memerlukan kekuatan fizikal dengan memilih kawasan lereng bukit berbatu-batu.

3.	Peristiwa Tuk Kura berjalan ke tempat perjumpaan untuk menentukan syarat-syarat perlumbaan	Sebagai binatang yang penuh dengan pengalaman, Tuk Kura menolak pelawaan Sang Gajah untuk membawanya turun dari bukit dengan alasan untuk mengkaji dan menyusun strategi laluan yang akan digunakan dalam perlumbaan itu.
4.	Peristiwa Tuk Kura tidak menolak permintaan Sang Arnab untuk membersihkan tempat perlumbaan	Tuk Kura tidak membantah apabila Sang Arnab hendak memotong rumput, lalang dan pokok renek di sepanjang laluan perlumbaan kerana baginya itu akan memudahkannya dalam perlumbaan kelak.
5.	Peristiwa Tuk Kura berlumba dengan teknik tersendiri	Tuk Kura menggunakan kelebihan fizikal yang ada pada dirinya iaitu kekerasan cengkerangnya untuk melantunkan dirinya dari satu batu ke satu batu yang lain sehingga sampai ke garisan penamat.
6.	Peristiwa Tuk Kura didera dan dipulau oleh suku-sakatnya	Tuk kura tidak melawan dan membantah apa-apa tindakan oleh suk-sakatnya sebaliknya Tuk Kura menghilangkan diri di dalam hutan.
7.	Peristiwa Tuk Kura memilih tempat latihan	Tuk Kura memilih tempat latihan di kawasan sungai dengan meniti di atas batang kayu dan batu yang licin, strategi latihan yang mengelirukan pihak lawan.

- terima peristiwa lain yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama

		Julia
	Peristiwa [2m]	Huraian [2m]
1	Peristiwa menyelesaikan masalah BMPRO Transpot	Julia telah menyasat penyelewengan oleh En Baharom
2	Peristiwa Julia menyelesaikan BMPRO Butik	Julia meminta hak pemilikan butik syarikat diselesaikan oleh peguam syarikat walaupun Syed Mustaffa meminta dipindah milik atas namanya seperti yang didakwa oleh Syed Mustaffa kononnya arwah ayah Julia meminta berbuat demikian
3	Peristiwa menangani masalah aliran wang tunai syarikat	Julia memanggil mesyuarat lembaga pengarah untuk menyelesaikannya
4	Peristiwa mengadakan usaha sama program Homestay	Syarikat Julia telah bekerjasama dengan syarikat keluarga Jun (Syarikat Cinta Sejati Tour & Travel)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT